

Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal Ke atas Kepatuhan Membayar Zakat

Sanep Ahmad
Hairunnizam Wahid
(Kumpulan kajian Ekonomi & Kewangan Islam, UKM)

ABSTRAK

Isu pembayaran zakat melalui institusi tidak formal telah banyak dibincangkan ketika ini. Amalan ini akan menimbulkan persaingan kepada institusi formal zakat untuk menarik lebih ramai pembayar zakat secara berpusat, meningkatkan jumlah kutipan dan mengagihkan zakat dengan lebih berkesan. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan bocoran zakat iaitu pembayaran melalui institusi tidak formal dalam sistem ekonomi. Bocoran bayaran zakat berlaku disebabkan agihan zakat dikatakan tidak memuaskan pembayar zakat serta asnaf yang terlibat dimana ketidakadilan berlaku dalam proses pengagihan tersebut. Namun sejauhmana keabsahan tanggapan tersebut belum dapat dipastikan. Sehubungan dengan itu kajian ini cuba menganalisis kesan sikap kepuasan tentang agihan terhadap kepatuhan membayar zakat serta mengenalpasti persamaan, perbezaan dan punca mengapa berlaku perbezaan sikap kepatuhan tersebut antara negeri di Malaysia. Analisis dilakukan berdasarkan data primer seluruh negeri menggunakan kaedah diskriptif dan model logistik. Kajian ini membuktikan bahawa perspektif tentang agihan zakat mempengaruhi sikap kepatuhan pembayar zakat secara positif. Kajian ini juga menunjukkan bahawa sikap kepatuhan pembayar zakat terhadap institusi formal mengikut negeri adalah berbeza yang sekaligus menunjukkan bahawa setiap negeri mempunyai prestasi dan keupayaan yang berbeza dalam membantu asnaf terlibat. Implikasi penting kajian ini ialah langkah menambahkan keyakinan masyarakat tentang prestasi institusi formal adalah penting untuk menjayakan fungsi institusi tersebut sebagai badan penjamin keadilan sosial.

PENGENALAN

Sehingga kini peranan institusi zakat sebagai badan untuk membantu golongan miskin tidak dapat diserahkan dan kurang meyakinkan. Salah satu punca kegagalan ini adalah jumlah kutipan zakat yang dikatakan sedikit. Kekurangan hasil kutipan menyebabkan ia tidak mencukupi untuk digunakan bagi membantu golongan asnaf sebagaimana sepatutnya. Kekurangan jumlah zakat yang dapat dikutip oleh jabatan agama adalah berpunca daripada dua sebab, iaitu pertama kerana ketidak patuhan sesetengah individu untuk membayar zakat khususnya zakat bagi harta yang diikhtilaf. Punca kedua ialah berlakunya bocoran dimana bagi individu yang membayar zakat, bayaran tidak disalurkan melalui jabatan agama tetapi sebaliknya bayaran terus kepada asnaf. Ini menyebabkan jumlah zakat yang dapat dikumpul oleh jabatan agama berkurangan walaupun ramai individu membayar zakat.

Oleh itu pihak jabatan agama khususnya mula memikirkan beberapa usaha untuk meningkatkan hasil kutipan zakat. Dua tindakan utama yang telah diambil ialah meningkatkan kesedaran individu untuk membayar zakat dan menswastakan institusi pungutan dan agihan zakat. Bagi meningkatkan kesedaran untuk membayar zakat, pelbagai program kesedaran dan pemahaman tentang zakat telah dijalankan. Semua kaedah dan cara yang mungkin dapat menyebarkan maklumat kepada masyarakat tentang pentingnya membayar zakat seperti media masa, seminar, ceramah, edaran dan kursus juga telah dijalankan. Kesan program tersebut sedikit sebanyak telah menunjukkan kesedaran masyarakat tentang zakat meningkat. Namun demikian satu perkara yang kini menjadi persoalan kepada jabatan agama ialah adanya golongan individu yang enggan membayar zakat melalui jabatan agama tetapi sebaliknya terus kepada asnaf. Tindakan ini menyebabkan bayaran zakat tidak direkodkan serta terkeluar daripada jumlah kutipan di jabatan agama.

Jika dinilai dari sudut fiqh memang tidak dinafikan bahawa pembayaran zakat dibenarkan samada melalui institusi khusus atau terus kepada asnaf iaitu individu yang layak. Namun demikian tindakan individu membayar terus kepada asnaf mengakibatkan jumlah kutipan yang diperolehi oleh jabatan agama berkurangan dari yang sepatutnya. Bayaran terus kepada asnaf tersebut dianggap sebagai bocoran dari kutipan jabatan agama. Persoalannya sekarang ialah apakah punca perkara ini boleh berlaku.

Sebagai usaha untuk menambah jumlah kutipan zakat beberapa negeri di Malaysia telah melaksanakan program penswastaan dalam mengutip zakat. Pusat Pungutan Zakat (PPZ) serta Pusat Zakat Selangor (PZS) misalnya telah ditubuhkan sebagai satu institusi untuk mengutip zakat. Usaha penswastaan tersebut serta kempen kesedaran yang berterusan ternyata telah dapat menambah jumlah kutipan zakat. Walaupun peningkatan tersebut bukanlah semata-mata berpunca daripada penswastaan atau kesedaran tetapi ternyata ia telah menunjukkan satu kesan yang positif.

ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Persoalan yang dianggap penting sekarang ialah masalah bocoran iaitu masih terdapat individu yang enggan membayar zakat melalui jabatan agama atau institusi kutipan zakat. Walaupun tidak terdapat statistik tepat tentang bilangan individu yang melakukan sedemikian namun adalah dipercayai bahawa jumlahnya adalah ramai. Walaupun masyarakat telah dimaklumkan tentang kelemahan kaedah pembayaran terus kepada asnaf seperti berlakunya pertindihan, tidak merata dan jumlah yang tidak saksama namun masih tetap wujud individu yang melakukannya.

Satu tindakan perlu dilakukan untuk menarik dan menggalakkan orang ramai membayar zakat melalui institusi zakat supaya urusan bayaran zakat dan agihannya dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Bagi merangka dengan tepat apakah langkah yang perlu dilakukan untuk menarik individu pembayar zakat kepada institusi zakat maka perlu diketahui terlebih dahulu apakah sebab perkara ini berlaku. Adakah keengganan tersebut berlaku kerana tidak adanya keyakinan individu kepada jabatan agama dan institusi kutipan zakat dalam mengurus wang zakat seperti agihan yang tidak memuaskan,

berlakunya salah guna wang zakat atau bermungkinan berpunca daripada pelbagai sebab yang lain. Sehubungan dengan persoalan di atas kajian ini cuba meneliti hubungkait antara sikap kepuasan tentang agihan terhadap sikap kepatuhan membayar zakat melalui institusi formal zakat. Kajian ini menganalisis kesan kepatuhan membayar zakat melalui institusi formal di Semenanjung Malaysia dan juga membahagikannya secara khusus mengikut negeri di Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Sebelum tahun 1990-an kutipan zakat yang sedikit menyebabkan institusi zakat tidak berperanan dengan baik. Individu pada masa itu didapati lebih selesa untuk membayar zakat terus kepada asnaf. Kesedaran tentang pentingnya meningkatkan peranan institusi zakat telah melahirkan beberapa tindakan susulan. Langkah awal untuk mengatasi masalah kutipan zakat yang rendah adalah dengan menswastakan kutipan zakat. Institusi koparat kutipan zakat seperti Pusat Zakat Selangor (PZS) telah ditubuhkan di negeri Selangor. Bagi Wilayah Persekutuan pula telah ditubuhkan Pusat Pungutan Zakat (PPZ). Bukti awal menunjukkan bahawa penswastaan tersebut telah dapat meningkatkan prestasi pungutan zakat.

Akan tetapi apa yang nyata ialah walaupun penswastaan kutipan zakat dapat menambahkan hasil kutipan zakat tetapi penambahan sebenarnya adalah tidak signifikan. Zyadi & Mariani (1999) merumuskan bahawa penswastaan kutipan zakat yang dilakukan dibanyak negeri telah menambah hasil kutipan dimana peningkatan hasil kutipan tersebut dialami oleh seluruh negeri yang melakukan penswastaan kutipan zakat. Namun demikian kajian tersebut juga menunjukkan bahawa penambahan hasil kutipan tersebut bukanlah semata-mata kesan daripada penswastaan. Faktor lain seperti peningkatan kesedaran individu serta peningkatan jumlah pendapatan juga memainkan peranan dalam meningkatkan hasil kutipan zakat tersebut. Kajian lain seperti Nor Ghani et al (2001) membuktikan bahawa penswastaan walaupun telah berjaya menambah hasil kutipan tetapi sebenarnya penambahan tersebut tidak signifikan.

Peningkatan tidak signifikan tersebut membawa beberapa implikasi iaitu peningkatan hasil kutipan zakat bukan semata-mata berpunca dari penswastaan institusi zakat. Ia mungkin berpunca dari faktor lain seperti peningkatan jumlah pembayar zakat dan peningkatan jumlah pendapatan individu hasil daripada peningkatan pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, peningkatan tidak signifikan tersebut juga berkemungkinan menandakan bahawa masih berlaku bocoran wang zakat dari jabatan agama atau institusi kutipan zakat

Perkara sebegini masih berlaku mungkin berpunca dari sikap individu iaitu pertama, segelintirnya tetap dengan sikap enggan membayar zakat; kedua sikap individu yang tidak prihatin tentang tempat dimana ia membayar zakat asalkan mudah untuk membayarnya dan ketiga sikap individu mencurigai keupayaan jabatan agama atau institusi kutipan zakat dalam menjalankan tugasnya. Terdapat kajian menunjukkan keengganan membayar zakat atau enggan membayar zakat melalui institusi adalah melibatkan sikap individu tersebut. Kamil et al. (1997) menyatakan bahawa sikap

kepatuhan amat penting dalam menentukan kepatuhan untuk membayar zakat. Sekiranya sikap patuh tidak ada pada diri mereka maka individu tidak akan membayar zakat. Aidit (1998) juga sepakat dengan Kamil dan menyatakan untuk menyelesaikan masalah keengganan membayar zakat bukanlah satu perkara mudah. Beliau berpendapat ia bergantung kepada tahap keimanan dan kesedaran seseorang individu. Tahap keimanan yang lemah ada kaitan dengan sikap tidak mahu membayar zakat terutama jika tidak adanya akta yang ketat mengenainya. Seseorang mungkin takut dan akan patuh jika adanya akta dan undang sebagaimana ia akan membayar cukai kerana adanya akta cukai. Sebahagiannya pula mungkin merasakan kewajiban zakat dianggap sebagai beban kerana tidak menyedari bahawa ia adalah tanggung jawab agama dan tanggungjawab sosial.

Qardawi (1998) juga menyatakan dalam kes ini bahawa faktor keimanan penting dalam menentukan tindakan ekonomi. Tanggungjawab agama yang berkait dengan harta mestilah didokong oleh faktor iman kerana tanpa iman ia tidak mungkin dapat dilakukan. Jika tanggapan ini berlaku maka individu akan menyamakan tanggung jawab zakat dengan beban cukai. Abdul Hamid (1998) mendapati masih tidak memahami dengan jelas tentang zakat. Terdapat individu yang memilih cukai daripada zakat iaitu jika ia telah membayar cukai maka ia beranggapan telah lepaslah tanggung jawab zakatnya. Kamil (2002) dalam kajiannya yang lain mendapati dan memperkuatkannya lagi hipotesisnya bahawa faktor sikap adalah penentu penting kepatuhan membayar zakat khususnya zakat pendapatan. Sikap adalah faktor dalaman individu dan ia telah dibuktikan menjadi salah satu faktor penentu kepada kepatuhan membayar zakat dan kepatuhan untuk membayarnya melalui institusi kutipan zakat.

Namun demikian terdapat persoalan lain yang juga amat penting iaitu faktor institusi zakat. Ini adalah kerana keengganan seseorang individu membayar zakat bukan hanya disebabkan oleh faktor dalaman individu iaitu faktor sikap atau tahap keimanan semata-mata. Terdapat beberapa kajian menunjukkan terdapat institusi zakat gagal menjalankan tanggungjawab mereka dalam hal ehwal zakat terutamanya dalam aspek agihan zakat kepada asnaf yang terlibat. Kajian oleh Abdullah Ibrahim (1999) contohnya menjelaskan persoalan tentang keberkesanannya kaedah agihan zakat. Menurut beliau kaedah pengurusan zakat antara negeri adalah berbeza yang menunjukkan tahap kecekapan pengurusan adalah berbeza. Kajian oleh Zulkefly et.al (2002) mendapati negeri Selangor merupakan negeri yang paling cekap dalam aspek pengagihan zakat berbanding negeri Perak, Negeri Sembilan dan Kedah. Ini berdasarkan data jumlah kutipan dan agihan zakat tahunan negeri yang menunjukkan negeri tersebut berjaya membelanjakan secara puratanya 80% daripada kutipan zakat setiap tahun kepada 8 asnaf zakat. Ini menunjukkan prestasi agihan zakat berbeza-beza mengikut negeri. Walau bagaimanapun penilaian masyarakat terhadap institusi ini tidak dapat dijelaskan dengan pasti.

Tambahan lagi menurut Mohamed Dahan (1998) dan Mustafa (1998), sebenarnya kaedah agihan zakat dapat dinilai oleh individu secara terbuka. Terdapat beberapa kes negatif yang pernah berlaku seperti salah guna dan pecah amanah wang zakat, pengurusan yang tidak cekap serta kaedah agihan yang dianggap tidak memuaskan di peringkat negeri menguatkan lagi tanggapan masyarakat yang tidak puas hati dengan institusi zakat

walaupun prestasi laporan tahunan institusi zakat menunjukkan prestasi kutipan dan agihan yang memberangsangkan. Ini menjelaskan mengapa individu enggan membayar zakat secara formal melalui institusi kutipan zakat.

Terdapat kajian yang mengkaji kepatuhan terhadap zakat cukai yang hanya dikaitkan dengan sikap dan tanggapan terhadap pengurusan zakat disatu negeri sahaja iaitu negeri Kedah sebagaimana dilakukan oleh Kamil & Ahmad Mahdzan (2002) dan tidak melihat tentang kepatuhan membayar zakat melalui institusi kutipan zakat antara negeri di Malaysia. Memandangkan peranan institusi kutipan zakat kian meningkat maka perlu satu kajian khusus kepatuhan membayar zakat melalui institusi kutipan zakat. Kajian ini akan memberi tumpuan terhadap hubungkait diantara sikap kepuasan terhadap agihan dengan sikap kepatuhan membayar zakat melalui institusi kutipan zakat formal. Analisis akan dilakukan mengikut negeri di Malaysia serta menghubungkaitkannya dengan perbezaan kaedah pengurusan zakat antara negeri di Malaysia.

METODOLOGI

Analisis kajian ini adalah kepada individu Islam merangkumi beberapa negeri di Malaysia. Pensampelan dilakukan secara rawak ke atas 2500 individu mengikut negeri di Semenanjung Malaysia. Setiap negeri diwakili oleh bilangan individu yang berbeza secara umumnya bergantung kepada saiz penduduk.

Data akan dianalisis menggunakan analisis regresi logistik mengikut negeri untuk melihat kebarangkalian kepatuhan individu membayar kepada institusi formal pungutan zakat. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini berbentuk diktomus iaitu samada membayar zakat secara formal iaitu melalui pusat zakat atau membayar zakat secara tidak formal iaitu membayar terus kepada asnaf. Memandangkan pembolehubah bersandar berbentuk diktomus dan pembolehubah bebas yang digunakan kebanyakannya berbentuk dami maka model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model logit binomial. Model yang akan dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \quad (1)$$

Dimana:

P_i adalah kebarangkalian bagi responden yang patuh membayar kepada institusi formal iaitu $Y = 1$ dan $Y = 0$ bagi responden yang tidak patuh membayar kepada institusi formal.

Persamaan (1) boleh ditulis dalam bentuk berikut:

$$P_i = 1 / (1+e^{-z}) = e^z / (1+e^z) \quad (2)$$

Jika P_i adalah kebarangkalian bagi responden patuh iaitu $Y = 1$ maka kebarangkalian bagi respon tidak patuh ialah $Y = 0$ ialah $(1-P)$. Oleh itu kebarangkalian tidak patuh membayar secara formal ialah:

$$(1-P_i) = 1 / (1+e^z) \quad (3)$$

Oleh itu ratio kebarangkalian untuk responden patuh membayar secara formal adalah dalam persamaan (4) iaitu:

$$P_i / (1-P_i) = e^z \quad (4)$$

Dengan mengambil natural log bagi persamaan (4) maka akan mendapat persamaan (5) iaitu :

$$\begin{aligned} L &= \ln(P_i / (1-P_i)) = \ln(e^z) \\ &= Z_i \\ &= f(X) \end{aligned} \quad (5)$$

Berdasarkan persamaan (5) kajian ini juga menguji beberapa pembolehubah yang dipertimbangkan mempengaruhi kepatuhan membayar kepada institusi formal iaitu:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_{11} X_{11} \quad (6)$$

Dimana Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pemboleh bebas yang dipertimbangkan iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, pengetahuan agama, taraf pendidikan, bekerja atau tidak bekerja, bidang pekerjaan, pendapatan bulanan, bilangan tanggungan, perbelanjaan isi rumah bulanan dan kepuasan terhadap agihan zakat oleh intitusi zakat.

Oleh itu berpandukan kepada persamaan (6), model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah:

$$\begin{aligned} L = \ln(P_i / (1-P_i)) &= \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 \\ &\quad + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} \end{aligned} \quad (7)$$

Dimana :

- L adalah log bagi nisbah ‘odds’ kepatuhan
- X_1 adalah dumi jantina; = 1 untuk lelaki, 0 untuk wanita
- X_2 adalah umur responden
- X_3 adalah taraf perkahwinan
- X_4 adalah dumi pengetahuan agama; = 1 untuk berpengetahuan agama, 0 untuk tiada pengetahuan agama
- X_5 adalah dumi tahap pendidikan; = 1 untuk berpendidikan tinggi, 0 untuk tidak berpendidikan tinggi
- X_6 adalah dumi bekerja; = 1 jika masih bekerja, 0 untuk tidak bekerja
- X_7 adalah dami jenis pekerjaan; = 1 untuk profesional, 0 untuk tidak profesional
- X_8 adalah jumlah pendapatan bulanan
- X_9 adalah bilangan tanggungan
- X_{10} adalah jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah
- X_{11} adalah dami kepuasan agihan zakat, = 1 jika berpuas hati, 0 jika tidak berpuas hati

Pembolehubah bersandar adalah bernilai 1 jika responden menyatakan kepatuhan membayar zakat kepada institusi formal iaitu samada membayar melalui amil dan membayar di pusat zakat atau di kaunter zakat. Ia memberi nilai 0 jika responden tidak membayar melalui saluran di atas samada tidak membayar atau membayar terus kepada asnaf zakat. Kesemua pembolehubah dalam persamaan (7) diuji untuk menentukan manakah pembolehubah yang signifikan mempengaruhi kepatuhan membayar secara

formal terutamanya pembolehubah kepuasan agihan zakat yang merupakan pembolehubah yang paling penting mementukan kepatuhan tersebut.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu hasil kajian bagi keseluruhan negeri di semenanjung Malaysia dan bahagian kedua adalah perbandingan mengikut negeri.

1. Keseluruhan Negeri Di Semenanjung Malaysia

Berdasarkan jadual 1, terdapat ketakseimbangan kepatuhan membayar zakat secara formal dan tidak formal iaitu masing-masing sebanyak 53% dan 47%. Walau bagaimanapun berdasarkan jadual tersebut, adalah jelas menunjukkan ramai responden berminat membayar zakat secara formal berbanding tidak membayar secara formal.

Jadual 1: Kekerapan Kepatuhan Membayar Zakat Secara Formal

	Kekerapan	Peratusan
Formal	1370	53
Tidak Formal	1218	47
Jumlah	2588	100

Jadual 2 pula menunjukkan penilaian model logit kepada data yang telah dikutip daripada responden. Ia membandingkan nilai yang dijangkakan daripada pembolehubah bersandar iaitu kepatuhan membayar zakat melalui saluran formal dengan nilai sebenar data yang diperhatikan. Jadual klasifikasi tersebut menunjukkan model ini meramal dengan betul 60.5% daripada permerhatian sebenar. Model ini juga berupaya untuk meramal kepatuhan membayar melalui saluran formal berbanding membayar melalui saluran tidak formal. Perlu diingatkan bahawa jumlah yang patuh dan yang tidak patuh membayar melalui saluran formal adalah tidak seimbang. Dengan lain perkataan walaupun model ini berjaya meramal dengan betul lebih dari 50% pemerhatian dengan betul tidak seharusnya digunakan sebagai ukuran kesesuaian model. Oleh itu dalam kajian ini kriteria kemungkinan bernisbah (*proportional chance criterion*¹) sepatutnya digunakan untuk tujuan tersebut. Apabila kriteria ini digunakan (lihat Hair et. Al. 1992 untuk perbincangan lanjut) untuk sampel dengan nisbah 53% da 47% (lihat jadual 1), tahap yang harus digunakan untuk menguji kesesuaian model ialah 50.18%. Jadual 2 jelas menunjukkan keupayaan model yang dianggar meramal dengan betul 60.5% daripada pemerhatian sebenar mengatasi tahap yang diperlukan untuk kesesuaian model.

Jadual 2: Jadual Klasifikasi Regresi Logistik

Pemerhatian	Diramalkan	
	Formal	Tidak Formal
Formal	766	408
Tidak Formal	451	547

Nota : Klasifikasi benar (%)

Formal = 65.2%; Tidak Formal = 54.8%; Keseluruhan = 60.5%

¹ menggunakan persamaan : $C_{prop} = p^2 + (1 - p)^2$

Jadual 3 pula menunjukkan hasil keputusan regresi logistik binomial menggunakan persamaan (7). Jadual tersebut menunjukkan 3 pembolehubah yang signifikan mempengaruhi kepatuhan membayar zakat melalui saluran formal iaitu pembolehubah taraf perkahwinan, pendapatan bulanan responden serta sikap responden yang berpuas hati dengan agihan zakat oleh institusi zakat. Nilai koefisien taraf perkahwinan adalah signifikan pada aras keertian 10% manakala kedua-dua pembolehubah pendapatan dan kepuashatian responden agihan zakat adalah signifikan pada aras keertian 1%. Magnitud pengaruh pembolehubah tersebut dapat dilihat dengan mudah kepada jadual 3. Ketiga-tiga pembolehubah berhubungan secara positif dengan kepatuhan tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan aspek kepuasan agihan zakat oleh institusi zakat amat signifikan mempengaruhi kepatuhan membayar zakat secara formal. Log nisbah odds bagi pembolehubah ini ialah 0.798 dan signifikan pada aras keertian 1%. Dengan lain perkataan sekiranya kepuasan agihan meningkat 1 unit, maka kepatuhan membayar secara formal akan meningkat sebanyak 122%. Kajian ini menunjukkan pembolehubah kepuasan agihan zakat amat besar pengaruhnya kepada kepatuhan membayar secara formal berbanding pembolehubah pendapatan seseorang individu yang hanya mempengaruhi sebanyak 32.6%.

Jadual 3: Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial

Pembolehubah Bebas	Koefisien	Exp Koefisien	Statistik Wald
Konstan	-1.163**	0.313	21.035
Jantina	0.041	1.042	0.193
Umur	0.074	1.077	1.705
Taraf Perkahwinan	0.208*	1.231	3.659
Pengetahuan Agama	-0.006	0.994	0.002
Pendidikan	-0.158	0.854	2.115
Bekerja	-0.148	0.863	0.648
Jenis Pekerjaan	-0.079	0.924	0.576
Pendapatan	0.282**	1.326	26.151
Bil tanggungan	-0.020	0.981	0.086
Perbelanjaan	0.027	1.027	0.297
Puas hati agihan zakat	0.798**	2.220	74.615

Rumusnya pembolehubah kepuasan agihan zakat amat signifikan mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat melalui cara dan institusi formal di Malaysia. Namun begitu adakah pembolehubah ini signifikan mempengaruhi kepatuhan membayar di setiap negeri yang dikaji. Oleh itu bahagian seterusnya akan menghuraikan secara terpeinci kesan pembolehubah tersebut mengikut negeri yang terlibat.

2. Perbandingan Mengikut Negeri

Berdasarkan jadual 4, keputusan menunjukkan bahawa secara umumnya lebih ramai individu yang membayar zakat kepada institusi formal. Data menunjukkan bahawa seramai 53% individu di negeri berkenaan membayar zakat kepada institusi formal berbanding 47% yang membayar kepada institusi tidak formal. Negeri yang didapati lebih ramai individu membayar zakat kepada institusi tidak formal ialah Negeri

Sembilan iaitu sebanyak 63% diikuti Kelantan (58%), Kedah (52%) dan Pahang (51%). Namun begitu kajian ini juga menunjukkan terdapat 6 negeri yang mana peratusan individu yang membayar zakat kepada institusi formal adalah tinggi . Negeri-negeri tersebut ialah Melaka (68%), Johor (61%), Trengganu (59%), Pulau Pinang (58%), Perlis (56%) dan Perak (51%). Hanya Selangor mencatatkan keputusan seimbang iaitu 50%. Keputusan ini menandakan satu petanda baik kerana kebanyakan negeri dan individu Islam merujuk kepada institusi formal yang dilantik oleh kerajaan untuk membayar zakat.

Jadual 4: Pembayaran kepada Institusi zakat Mengikut Negeri

Negeri	Bayaran kepada institusi		Jumlah
	Formal	Tidak formal	
Selangor	336 (50)	336 (50)	672
P Pinang	75 (58)	54 (42)	129
Kedah	76 (48)	82 (52)	158
Perlis	112 (56)	87 (44)	199
Perak	199 (51)	137 (49)	336
Johor	71 (61)	45 (39)	116
Melaka	100 (68)	46 (32)	146
N Sembilan	39 (37)	64 (63)	103
Pahang	79 (49)	81 (51)	160
Terengganu	150 (59)	101 (41)	251
Kelantan	133 (42)	185 (58)	318
Jumlah	1370 (53)	1218 (47)	2588

Nota: () menunjukkan peratusan daripada jumlah responden bagi setiap negeri

Jadual 5 menunjukkan peratusan individu pembayar zakat yang berpuas hati dengan agihan zakat oleh pihak institusi zakat. Daripada jadual tersebut didapati lebih ramai individu tidak berpuas hati dengan pusat zakat mengagihkan zakat kepada asnaf. Secara umumnya bagi seluruh Malaysia, sebanyak 58% individu menyatakan tidak puas hati terhadap agihan zakat oleh institusi zakat. Walau bagaimanapun terdapat beberapa negeri menunjukkan individu pembayar zakat menyatakan rasa puas hati terhadap pusat zakat mengagihkan zakat kepada asnaf yang terlibat. Negeri tersebut ialah Negeri Sembilan (56%), Pahang (52%), Terengganu (54%) dan Kelantan (62%).

Keputusan dari Jadual 4 dan Jadual 5 tidak menunjukkan satu bentuk dan hubungan yang khusus antara perasaan puas hati terhadap pusat zakat dengan membayar zakat kepada pusat zakat. Hubungan didapati berbeza dimana terdapat negeri yang individunya tidak berpuas hati dengan pusat zakat tetapi peratusan yang membayar zakat kepada pusat zakat agak tinggi dan begitulah sebaliknya. Misalnya Kelantan menunjukkan respon puas hati yang tinggi tetapi ramai individu membayar zakat kepada institusi tidak formal. Sebaliknya Johor yang menunjukkan respon tidak puas hati yang paling tinggi iaitu 68% tetapi individu membayar zakat kepada institusi formal. Hubungan tersebut dapat diringkas seperti dalam Jadual 6.

Jadual 5: Keputusan Sikap Puas Hati individu Terhadap Pusat Zakat Mengikut Negeri

Negeri	Puas hati dengan PPZ		Jumlah	
	Ya	Tidak		
Selangor	230 (34)	442 (66)	672	
P Pinang	46 (35)	83 (65)	129	
Kedah	62 (39)	96 (61)	158	
Perlis	87 (43)	112 (57)	199	
Perak	157 (46)	179 (54)	336	
Johor	38 (32)	78 (68)	116	
Melaka	72 (49)	74 (51)	146	
N Sembilan	58 (56)	45 (44)	103	
Pahang	84 (52)	76 (48)	160	
Terengganu	137 (54)	114 (46)	251	
Kelantan	126 (62)	192 (38)	318	
Jumlah	1097 (42)	1491 (58)	2588	

Nota: () menunjukkan peratusan daripada jumlah responden bagi setiap negeri

Jadual 6 menerangkan bahawa individu yang tidak berpuas hati dengan pusat zakat tetapi tetap membayar zakat kepada institusi formal adalah bagi negeri Perlis, Perak, Johor dan Melaka, manakala individu berpuas hati dengan pusat zakat tetapi membayar kepada institusi tak formal adalah bagi individu negeri Pahang, Kelantan dan Negeri Sembilan.

Jadual 6: Hubungan antara puas hati dan tempat bayaran

	Puas hati	Tak puas hati
Institusi Formal	Terengganu	Perlis, Perak, Johor Melaka
Institusi tak formal	N sembilan, Pahang, Kelantan	P Pinang, Kedah,

Jadual 7 menunjukkan hasil keputusan regresi logistik binomial bagi setiap negeri dengan menggunakan persamaan (7). Walau bagaimanapun kajian ini hanya melihat pengaruh pembolehubah kepuasan agihan zakat dengan kepatuhan membayar zakat secara formal mengikut negeri. Hasil kajian ini berbeza dengan jadual 3 yang menunjukkan keseluruhan negeri di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan jadual tersebut, wujud hubungan positif antara perasaan puas hati dengan membayar zakat kepada institusi formal. Semakin tinggi perasaan puas hati akan semakin tinggi kemungkinan untuk membayar zakat kepada institusi formal. Nilai anggaran logit bagi pembolehubah puas hati (dengan mengenepikan analisis bagi pembolehubah lain) untuk kesemua negeri diringkaskan seperti di dalam jadual 7.

Jadual 7: Nilai Parameter Puas Hati Agihan Zakat mengikut negeri.

Negeri	Konstan	Kepuasan hati		Statistik Wald
		Koefisien (B)	Exp Koefisien (B)	
Selangor	-1.366	0.598***	1.818	10.615
P Pinang	-0.792	0.248	1.281	0.224
Kedah	-1.004	1.439***	4.216	11.642
Perlis	-0.238	0.348	1.417	0.833
Perak	-0.634	1.213***	3.364	17.578
Johor	-0.881	1.127**	3.086	4.358
Melaka	-0.751	1.582***	4.863	11.607
N Sembilan	-6.183	1.570**	4.808	5.963
Pahang	-1.705	0.963**	2.620	4.760
Terengganu	-1.416	0.964***	2.596	9.580
Kelantan	-2.933	0.803***	2.232	9.662
Keseluruhan	-1.163	0.798***	2.220	74.615

Nota : *** Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

Keputusan daripada jadual 7 menunjukkan pengaruh kepuasan agihan zakat terhadap kepatuhan membayar secara formal adalah signifikan hampir kesemua negeri di semenanjung Malaysia. Terdapat 7 negeri menunjukkan pengaruh pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian 1% manakala 3 negeri yang lain (Negeri Sembilan, Pahang dan Johor) adalah signifikan pada aras keertian 5%. Namun begitu pengaruh pembolehubah tersebut terhadap kepatuhan membayar secara formal adalah tidak signifikan di Pulau Pinang dan Perlis. Daripada jadual tersebut juga menunjukkan kesemua negeri memiliki nilai Exp(B) adalah positif dan melebihi 1. Ini bermakna bahawa peningkatan rasa puas hati terhadap pusat zakat akan meningkatkan kebarangkalian untuk membayar zakat kepada pusat zakat. Hasil kajian ini berjaya membuktikan semakin tinggi rasa puas hati semakin tinggi kemungkinan membayar zakat melalui institusi formal.

Jadual 8 menunjukkan pangkat kepuasan hati agihan zakat, kepatuhan membayar melalui institusi formal dan nilai Exp (B) yang dirumuskan daripada jadual 4, jadual 5 dan jadual 7. Dalam aspek kepuasan hati pengurusan dalam agihan zakat kepada asnaf, Kelantan mendahului negeri lain ditempat pertama diikuti Negeri Sembilan dan Terengganu. Dalam aspek kepatuhan dalam pembayaran zakat melalui institusi formal, negeri Melaka, Johor dan Terengganu merupakan negeri yang mempunyai pangkat yang paling baik di kalangan negeri lain. Kajian ini mendapati negeri Terengganu mempunyai prestasi yang agak baik dalam kedua-dua aspek kepuasan agihan dan pengurusan institusi zakat. Hubungan positif juga dapat dibuktikan melalui pengiraan korelasi antara rasa puas hati dan bayaran kepada institusi formal berdasarkan jadual 9.

Jadual 8: Pangkat (*Ranking*) Kepuasan Hati Agihan Zakat, Pembayaran melalui institusi Formal dan Exp (B) Mengikut Negeri

Negeri	Pangkat		
	% puas hati pengurusan	% bayar kpd inst. formal	Exp(B)
Selangor	10	7	9
P Pinang	9	4	11
Kedah	8	9	3
Perlis	7	5	10
Perak	6	6	4
Johor	11	2	5
Melaka	5	1	1
N Sembilan	2	11	2
Pahang	4	8	6
Terengganu	3	3	7
Kelantan	1	10	8

Berdasarkan jadual 9, analisis korelasi pangkat terhadap peratusan perasaan puas hati dan peratusan pembayaran melalui institusi formal. Nilai korelasi menunjukkan hubungan positif antara perasan puas hati dengan bayaran kepada institusi formal dan juga antara perasaan puas hati dengan nilai Exp(B). Ini bermakna bahawa semakin tinggi perasaan puas hati akan semakin tinggi bayaran zakat kepada institusi formal dan juga semakin tinggi kebarangkalian untuk membayar kepada institusi formal.

Jadual 9: Nilai Korelasi Kepuasan Hati Agihan Zakat dan Institusi Formal

	% Puas hati	% inst. Formal	Exp(B)
% Puas hati	1.0	0.41	0.21
% Formal	0.41	1.0	-0.05
Exp(B)	0.21	-0.05	1.0

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian cuba membuktikan bahawa perasaan puas hati terhadap pengurusan dan agihan zakat oleh pusat zakat akan mendorong individu membayar zakat kepada institusi formal kutipan zakat. Kajian dilakukan terhadap individu pembayar zakat seluruh Malaysia. Keputusan membuktikan bahawa perasaan puas hati terhadap pengurusan pusat zakat berkait secara positif terhadap pembayaran zakat kepada institusi formal. Ini bermakna bahawa perasaan puas hati memainkan peranan penting dalam menentukan tempat dimana bayaran zakat dibuat oleh individu iaitu semakin puas hati individu terhadap pengurusan pusat zakat semakin tinggi darjah kepatuhan untuk membayar zakat kepada pusat zakat. Satu implikasi penting dari kajian ini ialah untuk menarik lebih ramai individu membayar zakat kepada institusi formal yang dilantik amat perlu dijalankan usaha terlebih dahulu menambah keyakinan individu terhadap pengurusan pusat zakat yang dilantik.

RUJUKAN

- Abdul hamid Mohd Hassan.1998. *Antara Zakat dan Cukai Pendapatan : Satu Analisis Penyelarasan*. Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Zakat dan Cukai Pendapatan di Pusat Matrikulasi USM, 5-6 November 1998.
- Abdullah Ibrahim.1999.*Agihan Zakat Menurut Prinsip Siasah Shariyyah*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor. Shah Alam.17 Mei 1999.
- Gujerati, D.N. 2003. *Basic Econometrics*. 4th Edition. New York: McGraw Hill.
- Hair, J.F.,R.E. Anderson, R.L.Tatham & W.C.Black. 1992. *Multivariate Data Analysis with Readings*. 3rd Ed. New York: Macmillan Publishing Company.
- Kamil Md Idris, Chek Derashid dan Engku Ismail. 1997. *Zakat Penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan Muslimin Negeri Perlis*. Kertas kerja di bentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- _____. 2002. *Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid. 1999. *Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia*. Dlm Pancasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pp 293-306.
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor. 2003. *Kesedaran membayar zakat pendapatan kakitangan profesional: Kajian kes di Universiti Kebangsaan Malaysia*, dlm Pascasidang Seminar Dasar Awam dalam Era Globalisasi: Penilaian Semula Ke Arah Pemantapan Strategi. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pp397-404.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. 1998. *Zakat Management and Administration in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Kamal Atiyah. 1995. *Perakaunan zakat: Teori dan praktis*. (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail. 2001. *Can privatization improve performance ? Evidence from zakat collection institutions*. Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Qardawi, Yusof. 1998. *Peranan nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam*. (terj). Kuala Lumpur. Metacorp Bhd.
- Zulkefly Abdul Karim, Mohd Azlan Shah Zaidi & Hairunnizam Wahid. 2002. *Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu dan Cabaran*. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

